

Kirandeep 'muka baru' skuad hoki wanita

Archival News | Harian Metro | 10/08/2018 | A-All

Kuala Lumpur: Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) mengeluarkan senarai akhirbarisan 18 pemain skuad lelaki dan wanita ke Sukan Asia, dengan nama Kirandeep Kaur paling mencuri tumpuan.

Sensasi berusia 15 tahun itu muncul satu-satunya muka baru yang dinamakan MHC kali ini dengan skuad lelaki dan wanita menyasarkan emas dangansa di Jakarta.

Pengarah Teknikal MHC, Terry Walsh turut memuji Kirandeep yang jugapelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Bangsar itu.

"Keseluruhan pasukan lelaki dan wanita negara diperkuatkan barisan pemain sama, hanya Kirandeep Kaur saja menjadi satu-satunya pemain baru yang disenaraikan.

"Saya pernah melihat persembahannya pada sesi latihan dan jugaperlawanan kompetitif. Saya percaya dia mempunyai bakat luar biasa bagipemain seusianya," kata bekas pengendali Australia itu.

Semalam, NSTP melaporkan bahawa Kirandeep Kaur akan menjadi pemainter muda dalam sejarah hoki Malaysia yang beraksi di Sukan Asia, hasilpercaturan berani jurulatih Dharma Raj Abdullah.

Apabila ditanya sejauh mana peluang skuad Malaysian Tigers dan Malaysian Tigress di Sukan Asia nanti, Walsh menaruh harapan untuk melihat kedua-duapasaran itu mengatasi pencapaian terdahulu.

"Saya menjangkakan kedua-dua pasukan mencapai sasaran lebih tinggi ditemasya berkenaan. Skuad wanita sepatutnya mampu mengibarkan cabaran sehingga separuh akhir dan memenangi pingat, sementara lelaki sepatutnyamara ke final," katanya.

Skuad lelaki diundi dalam Kumpulan B bersama-sama Pakistan, Bangladesh, Oman, Kazakhstan dan Thailand manakala skuad wanita dalam Kumpulan A (China, Jepun, Hong Kong dan Taiwan).

Terdahulu, dalam satu majlis di Pejabat MHC menyaksikan barisan pemain hoki lelaki dan wanita mendapat tajaan kasut daripada Vik Network, sebuah syarikat barangan sukan hoki.

(END)

Source By: Harian Metro